

Rumah dicemari lumpur bercampur najis loji kumbahan

SEMENYIH 11 Mei - Lapan buah keluarga di Taman Semenyih Indah, di sini seolah hidup dalam sebuah loji kumbahan besar selepas rumah mereka dinaiki banjir lumpur yang bercampur dengan najis.

Kejadian yang berlaku setiap kali hujan lebat itu dipercayai berpunca dari limpahan sungai ke dalam loji kumbahan yang berada hanya beberapa meter dari kediaman penduduk.

Seorang penduduk, S. Nagan-dren, 48, ketika ditemui berkata, kejadian terbaharu semalam dan Sabtu lalu adalah yang terburuk pernah dialaminya kerana menyebabkan kerugian antara RM50,000 hingga RM70,000.

"Air naik mendadak ke dalam rumah sehingga ke paras pinggang

menyebabkan kami sekeluarga tidak sempat mengalihkan barang-barang berharga. Akibat banjir lumpur itu, semua barang elektronik, perabot dan pakaian rosak.

"Masalah ini berlaku sejak 2014 tetapi pulih tahun lalu selepas Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) menggali dasar sungai terbabit. Tetapi masalah berulang berkemungkinan disebabkan perparitan yang tersumbat," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Menurutnya, ia tidak sepatutnya berlaku memandangkan laporan kepada Majlis Perbandaran Kajang (MPKj), Indah Water Konsortium (IWK) dan JPS telah dibuat.

Tambahnya, lumpur bercampur najis itu meninggalkan bau

yang kuat sehingga memerlukan tiga hari pembersihan untuk menghilangkannya malah waktu tidur dia sekeluarga terganggu setiap kali hujan turun kerana teringatkan masalah tersebut.

Sementara itu, seorang lagi mangsa yang turut mengalami nasib serupa, Muhamad Farhan Abdullah, 35, berkata, kejadian tersebut merupakan kali ketiga pernah dialaminya sejak mendiami kawasan tersebut sejak tiga tahun yang lalu.

"Masalah ini perlu segera diselesaikan kerana keadaan air itu bukan sahaja berlumpur malah bercampur dengan najis yang sudah pasti memberi kesan kepada kesihatan penduduk," katanya yang mengalami kerugian kira-kira RM6,000.